



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA
MAJLIS PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI
TRADITIONAL AND COMPLEMENTARY MEDICINE COUNCIL

**PANDUAN TEMPAHAN TEMUJANJI DI KAUNTER PENDAFTARAN CAWANGAN MAJLIS PERUBATAN
TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (CMPTK)
TRADITIONAL AND COMPLEMENTARY MEDICINE COUNCIL SECTION (T&CMCS) REGISTRATION
COUNTER APPOINTMENT BOOKING GUIDE**

Sistem eTemujanji diwujudkan bagi memudahkan orang awam untuk berurusan secara langsung di kaunter pendaftaran CMPTK. Perkhidmatan yang tersedia di kaunter adalah seperti berikut:
eTemujanji system was developed to facilitate the public to attend in-person at the T&CMCS registration counter. Services available at the counter are:

- i. Penyerahan dokumen dan pembayaran Permohonan Untuk Pendaftaran Sebagai Pengamal Berdaftar
Application For Registration As A Registered Practitioner document submission and payment
- ii. Penyerahan dokumen dan pembayaran Permohonan Untuk Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar
Application For Registered Practitioner's Practising Certificate document submission and payment
- iii. Penyerahan dokumen dan pembayaran Permohonan Untuk Perakuan Pengamalan Sementara (bagi pengamal warga asing)
Application For Temporary Practising Certificate document submission and payment (for foreign practitioners)

Untuk makluman, kutipan sijil perakuan pendaftaran/ perakuan pengamalan pengamal berdaftar/ perakuan pengamalan sementara di kaunter masih belum tersedia. Pihak CMPTK akan memaklumkan di laman web BPTK sekiranya terdapat penambahan perkhidmatan yang disediakan di kaunter pendaftaran dari semasa ke semasa.


Kindly note that collection of documents such as registration certificate/ registered practitioner's practising certificate /temporary practising certificate is still not available at the counter. The T&CMCS will announce in the T&CM Division's official website regarding additional counter services from time to time.

Langkah-langkah membuat temujanji di kaunter pendaftaran Cawangan Majlis PT&K:
Procedure to get an appointment at the T&CM Council Section registration counter:

1. Layari laman web rasmi BPTK di <https://tcm.moh.gov.my/>.
Visit the T&CMD official website at <https://tcm.moh.gov.my/>.
2. Pada ruangan 'EBORANG', klik pautan pantas 'eTemujanji'.
Click the 'eTemujanji' quick link under the 'EFORM' column.
3. Berikut merupakan sistem temujanji yang akan dipaparkan. Sila pilih tarikh dan slot masa temujanji mengikut kekosongan. Tempahan melalui sistem ini adalah berdasarkan yang cepat


didahulukan (first come first serve). Slot harian yang disediakan adalah terhad. Sekiranya tarikh dan slot masa yang dipilih telah penuh, sila buat pilihan lain;

The appointment system viewed by the user is as follows. Kindly pick the date and time slot that is available. The appointment system is on a first come first served basis. Daily slots are limited. If your choice of date and time slot is not available, kindly make another choice.



4. Sila masukkan maklumat pemohon seperti nama, no. telefon dan emel. Pastikan maklumat yang diisi adalah tepat bagi tujuan semakan pihak Cawangan Majlis PT&K dan notifikasi emel.

Fill in the required information such as name, phone number and email. Please make sure all information is accurate for the purpose of review by the T&CM Council Section and email notification.



5. Permohonan temujanji boleh dibuat seawal **dua(2) bulan** sebelum dan selewat - lewatnya **satu (1) hari** sebelum tarikh temujanji dan tertakluk kepada kekosongan.

*Appointment can be made as early as **two(2) months** and up to **one(1) day** before the appointment date, subject to availability.*

6. Pemohon hendaklah memastikan semua dokumen yang diperlukan adalah lengkap untuk tujuan penghantaran semasa temujanji.

Kindly ensure all documentation is complete before submission during the appointment.

7. Notifikasi butiran temujanji akan diemel kepada pemohon. Sila cetak atau 'screenshot' dan tunjuk di kaunter pendaftaran semasa temujanji.
Appointment details will be emailed to the applicant. Please print or screenshot the appointment details and show it at the registration counter during your appointment.

8. Perubahan atau pembatalan slot temujanji boleh dibuat menerusi emel notifikasi yang diterima oleh pemohon. Perubahan slot temujanji hanya boleh dibuat sekurang-kurangnya 24 jam sebelum slot temujanji yang telah ditempah.
Changes or cancellation of the appointment slot can be made through the notification email received by the applicant. Changes to the appointment slot can be made at least 24 hours before the booked appointment slot.